

## PENCEGAHAN KEBAKARAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba yang disambut pada 4 Mei setiap tahun, marilah kita bersama-sama mengimbas kembali tragedi-tragedi pahit yang telah menimpa negara dan pengorbanan anggota-anggota bomba dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran awam sentiasa terpelihara. Tidak dinafikan, banyak juga kes kecemasan dan kebakaran besar berlaku di negara kita dan salah satu kes yang kita tidak dapat lupakan ialah kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang telah mengorbankan seramai 21 pelajar dan 2 orang tenaga

pengajar pada tahun lepas. Kejadian yang tragis seperti ini, menuntut kita bersama-sama memainkan peranan dalam aspek pencegahan keselamatan kebakaran. Marilah kita semua berdoa agar mangsa yang terlibat dalam kebakaran termasuk dalam syahid akhirat sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Abu Daud yang bermaksud: *“Mati syahid selain terbunuh pada jalan Allah ada tujuh iaitu: orang yang meninggal kerana terkena penyakit ta’un adalah syahid, orang mati tenggelam adalah syahid, orang yang mati kerana sakit sesak nafas, orang yang mati kerana sakit perut, orang yang mati terbakar, orang yang mati kerana runtuh serta orang yang mati dalam keadaan hamil.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sememangnya menggalakkan penglibatan masyarakat menyertai pasukan Bomba Komuniti dan MyBomba dalam penyebaran maklumat berkenaan pencegahan kebakaran dalam kawasan kediaman. Melalui program seperti ini, jabatan terus mendampingi masyarakat tidak kira di desa mahupun di kota demi menjadikan aspek pencegahan kebakaran dan tindakan awal kecemasan menjadi suatu budaya dalam kalangan masyarakat.

Kita juga perlu menunjukkan sikap prihatin, bertanggungjawab dan menghargai kemudahan kebombaian seperti Alat Pemadam Api, Sistem Salur Bantu Mula, Loceng Kecemasan dan lain-lain yang di pasang di premis-premis agar tidak dirosakkan serta menjadi mangsa vandalisme ataupun disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Perbuatan tidak bertanggungjawab ini dibenci oleh Allah Subhanahu wa-Taala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-A'raf ayat 56 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ

اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah bersama-sama kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa-Taala agar hidup kita ini dilindungi daripada segala malapetaka yang boleh membawa musibah kepada rakyat Malaysia yang cintakan kesejahteraan. Dengan ini adalah digalakkan supaya setiap kediaman mempunyai alat pemadam api bagi mencegah kebakaran. Di samping kemudahan peralatan pencegahan bomba digunakan untuk memadamkan kebakaran, kita juga diajar untuk berdoa sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Nasa'i :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ التَّرْدِيِّ وَالْهَدْمِ وَالْغَرَقِ وَالْحَرِيقِ

Yang bermaksud: *“Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kematian kerana tertimpa runtuh, mati kerana jatuh daripada tempat tinggi, mati kerana tenggelam dan mati kerana kebakaran.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan kita mencegah kebakaran sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis sahih riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

*Jika malam sudah datang, pastikan anak-anak berada di rumah kerana pada saat itu syaitan sedang berkeliaran. Jika waktu isyak telah berlalu biarkanlah mereka dan tutup pintu-pintu rumah kamu dengan bismillah, tutuplah api pelita(lampu) dengan bismillah, tutup tempat minum dan makan dengan bismillah walaupun dengan hanya meletakkan sesuatu di atasnya.*

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ

شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *”Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

بَارِكْ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ  
التَّائِبِيْنَ.